



**POLISI BAYARAN PEMUDAHCARA
(FACILITATION PAYMENT)
MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG**

POLISI BAYARAN PEMUDAHCARA

1.0 PENDAHULUAN

Bayaran Pemudahcara adalah bayaran yang dibuat bagi mendapatkan atau mempercepatkan pelaksanaan sesuatu tindakan atau perkhidmatan yang selayaknya seperti contoh: di mana seorang pegawai kerajaan diberi wang atau barang untuk melaksanakan (atau mempercepatkan pelaksanaan) tanggungjawabnya.

2.0 OBJEKTIF

1. Majlis Perbandaran Pengerang melarang bayaran pemudahcara yang melibatkan pembayaran atau faedah tidak rasmi dan tidak wajar, termasuk hadiah atau keraian.
2. Semua pekerja Majlis Perbandaran Pengerang tidak boleh menawarkan, berjanji, memberi, meminta atau menerima apa-apa yang boleh dianggap sebagai bayaran pemudahcara dalam apa juu bentuk.
3. Majlis Perbandaran Pengerang menyedari bahawa pembayaran pemudah cara adalah bentuk rasuah yang melibatkan mempercepat atau mempermudah urusan atau urus niaga dalam pelaksanaan tugas atau tindakan tertentu. Majlis Perbandaran Pengerang tidak membenarkan tawaran sogokan dibuat atau diterima.